

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. Datuk Wee Jeck Seng

NO. SOALAN : 137

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan Bilakah baki bilangan sambungan Jalan Pekan Nanas ke Tanjung Piai sejauh 8 km akan dibina untuk melengkapkan jajaran jalan berkenaan memandangkan pembinaan jalan berkenaan telah memberikan impak positif yang amat baik kepada masyarakat daripada sudut pembangunan sosial dan ekonomi serta jalan yang telah siap dibina telah digunakan secara efektif oleh masyarakat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Projek Naiktaraf Jalan dari Pekan Nanas ke Tanjung Piai, Pontian (Fasa I) merupakan projek yang disenaraikan di bawah program Jalan Luar Bandar (JALB) Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9). Projek ini telah berjaya dilaksanakan dengan pembinaan jalan sepanjang 18km, berdasarkan piawaian R3 dan sebuah unit jambatan pada tahun 2012. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk jua, Projek Naiktaraf Jalan dari Pekan Nanas ke Tanjung Piai, Pontian (Fasa II) merupakan projek sambungan Fasa I yang melibatkan kerja-kerja naiktaraf jalan sepanjang 11.4 km dan sebuah unit jambatan sepanjang 21 meter. Namun begitu, adalah dimaklumkan bahawa projek ini tidak diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, Kementerian akan menyenaraikan projek ini di bawah perancangan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2016. Pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

SOALAN :-

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan bilakah pembinaan projek pelupusan sampah sanitari bagi menggantikan tempat pelupusan sampah di Kampung Air Putih Pekan Nanas akan dilaksanakan memandangkan ia telah tertangguh begitu lama.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah merancang untuk membina tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Ulu Choh bagi menggantikan tapak pelupusan sisa pepejal di Kampung Air Putih Pekan Nanas.

Pada masa ini KPKT sedang melaksanakan Kajian Penilaian Alam Sekeliling Terperinci (DEIA). Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan kajian DEIA tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014